



SEMINAR

PERLAKSANAAN BAHASA MALAYSIA

**“MENILAI PERLAKSANAAN BAHASA
MALAYSIA SEBAGAI BAHASA
PENGANTAR DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI”**

4 & 5 Februari 1983

Di Universiti Sains Malaysia

ANJURAN:

Persatuan Bahasa Malaysia

Universiti Sains Malaysia

PERLAKSANAAN DAN KEMAMPUAN BAHASA MALAYSIA
SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DALAM BIDANG SAINS PERUBATAN

Dr. Mohd. Roslani Abd. Majid
Dekan
Pusat Pengajian Sains Perubatan

PERLAKSANAAN DAN KEMAMPUAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI
BAHASA PENGANTAR DALAM BIDANG SAINS PERUBATAN

Dr. Mohd. Roslani Abd. Majid
Dekan
Pusat Pengajian Sains Perubatan

PENGENALAN

Taraf pemakaian dan penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang Sains Perubatan selalu dipertikaikan dari segi sama ada ianya boleh ataupun mampu digunakan dalam bidang yang dianggap meluas dan kompleks. Seterusnya, persoalan ini dipanjangkan kepada isu sama ada dasar Bahasa Malaysia dapat dilaksanakan dengan sempurna dalam bidang ini.

Apabila persoalan tentang penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang perubatan dikemukakan, beberapa persoalan turutan selalunya timbul. Antara lain, soalan-soalan itu yang sering ditimbulkan adalah seperti berikut:-

- (1) Apakah Bahasa Malaysia itu mampu dipakai dalam bidang Perubatan?
- (2) Cukupkah istilah-istilah perubatan buat masa ini?
- (3) Di peringkat manakah pemakaiannya dianggap mantap?
- (4) Dapatkah Bahasa Malaysia bersaing dengan Bahasa Inggeris dalam mengikuti peningkatan maklumat-maklumat perubatan yang berlaku dengan begitu cepat?
- (5) Apakah bahasa Inggeris harus terus dipakai dalam institusi-institusi perubatan di kala ini dan di masa hadapan?

Dalam percubaan untuk menjawab soalan-soalan ini, dua isu utama dapat diperhatikan. Pertama adalah kemampuan bahasa itu sendiri dan kedua cara-cara pelaksanaan dasar bahasa itu. Isi pelaksanaan akan menjar

satu isu minor jika masalah sikap pengguna ataupun bakal pengguna dapat diselesaikan dengan jayanya. Jika kita tinjau sepintas lalu, Bahasa Malaysia boleh dianggap sebagai satu bahasa yang fleksibel, maka dengan itu, ia dapat menerima perubahan-perubahan mengikut kehendak mana-mana bidang sekalioun, termasuklah bidang perubatan. Sememangnya Bahasa Malaysia telah digunakan dalam perawatan dan perkhidmatan pesakit semenjak dari dulu lagi. Kita ketahui bahawa apabila seseorang doktor yang berketurunan Cina merawat seorang pesakit yang berketurunan India, mereka akan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan seterusnya, seorang doktor yang berketurunan Cina dan berlainan dialek bahasa dengan pesakit yang berketurunan Cina juga, akan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia. Walaupun taraf Bahasa Malaysia yang dipakai adalah di taraf bahasa pasar sahaja, namun ianya telah membuktikan bahawa Bahasa Malaysia dapat dipakai sebagai bahasa pengantar. Jadi, sama ada soalan kemampuan ini ditujukan terhadap Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar am atau keupayaannya untuk digunakan dalam bidang akademik dan di peringkat yang lebih tinggi, adalah persoalan yang boleh dibekalkan.

Pengalaman di Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga di Universiti Sains Malaysia jelas menunjukkan bahawa Bahasa Malaysia mampu bertindak sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran perubatan. Jadi, persoalan sama ada mampu atau tidak Bahasa Malaysia tidak dapat digunakan sebagai alasan kepada apa-apa masalah perancangan pengajaran ataupun pendidikan perubatan. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah sikap peribadi para pengguna bahasa di kalangan cerdik-pandai termasuk mereka yang yang berteraf Bumiputera.

PERLAKSANAAN BAHASA

Sebelum membincang perkara sikap ini dengan lebih mendalam, ada baiknya dibincangkan dahulu cara-cara pelaksanaan yang telah dilakukan di Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia. Satu kertaskerja yang telah dibentangkan pada tahun 1980 (Roslani A.M.; Mohsin S.S.J. & Mohd. Akhir Abdullah - "Ke Arah Pencapaian Matlamat 1983 Dalam Pengajaran Pendidikan Perubatan di Malaysia") telahpun membincangkan cara-cara bagi meningkatkan pelancaran penggunaan Bahasa Malaysia dalam pengajaran perubatan dan dalam perkhidmatan rawatan pesakit. Antara lain, cadangan itu adalah seperti berikut:-

- (1) penyebaran istilah harus meluas sampai ke pengetahuan pengguna-pengguna
- (2) tenaga akademik yang berkemampuan diberi cuti bagi menumpukan masa sepenuhnya dengan penulisan dan penterjemahan buku-buku ilmiah.
- (3) pembayaran yang lebih memuaskan bagi bahan-bahan untuk penterjemahan yang bermutu
- (4) meningkatkan penggunaan bahasa oleh pakar-pakar yang mempunyai kebolehan
- (5) meningkatkan penerbitan risalah-risalah bacaan dan bahan-bahan di jurnal perubatan dalam Bahasa Malaysia
- (6) mengkaji sistem-sistem pengukuran bagi menentukan taraf pemakaian bahasa dapat diukur buat masa ini di mana yang boleh.

Dalam usaha untuk menepati sebahagian dari cadangan-cadangan yang disarankan itu, Pusat Pengajian Sains Perubatan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Malaysia yang dipanggil "Jawatankuasa Bertindak Bahasa Malaysia" dan Jawatankuasa ini pula mempunyai beberapa Jawatankuasa Kecil. Jawatankuasa-Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi pelaksanaan dasar di dalam bidang-bidang peristilahan, penterjemahan, penerbitan dan pengawasan penggunaan Bahasa Malaysia

Dalam bidang pengawasan, satu borang khas bagi menilai pemakaian Bahasa Malaysia telahpun dikeluarkan bagi mendapat maklum-balas daripada penuntut secara langsung. Jawatankuasa Kecil Peristilahan mula sedang menguruskan pengumpulan istilah-istilah perubatan dari institusi-institusi yang berkaitan juga yang dirumuskan di Pusat Pengajian Sains Perubatan sendiri dan kini sedang disusun dalam mesin pemrosesan perkataan. Apabila siap kelak koleksi istilah-istilah perubatan ini akan diedarkan kepada semua kakitangan. Dari segi penerbitan pula, projek buku "Asas-Asas Perubatan" - Jilid II, III dan IV sedang diusahakan. (Jilid I telah dikeluarkan pada tahun 1981). Dalam usaha-usaha yang dilakukan ini, masalah yang terbesar yang dihadapi oleh Pusat Pengajian Sains Perubatan buat masa ini adalah dari segi kekurangan kakitangan yang boleh dianggap mahir dalam Bahasa Malaysia. Buat masa ini, hanya terdapat sepuluh orang kakitangan akademik yang boleh dianggap fasih dalam Bahasa Malaysia, dan mereka terpaksa bergiat dalam tiap-tiap aspek pelaksanaan bahasa di samping pengajaran. Oleh yang demikian, beban kerja mereka adalah berlipat ganda berbanding dengan kakitangan lain. Namun demikian, Pusat Pengajian Sains Perubatan akan terus berusaha untuk menggiatkan penggunaan bahasa dalam semua bidang urusannya.

KEMAMPUAN BAHASA

Sebagai yang dikatakan tadi, kemampuan bahasa tidak harus dipersoalkan, Bahasa Malaysia mempunyai ciri yang istimewa iaitu ianya boleh menerima ataupun meminjam istilah-istilah asing untuk dibahasemalaysiakan di samping ianya masih mempunyai banyak perkataan-perkataan Melayu jati yang dapat ditakrifkan untuk penggunaan dalam bidang Sains & Teknologi. Apa yang menjadi masalah apabila soal kemampuan ini ditimbulkan ialah masalah sikap kebanyakan para pengamal perubatan

dan mereka-mereka yang di dalam bidang-bidang yang berkaitan yang sengaja mencari jalan keluar yang senang. Sikap negatif ini menyebabkan proses perkembangan bahasa menjadi lembab. Sikap ini selalunya timbul apabila isu-isu tentang pemakaian Bahasa Inggeris dalam bidang akademik sebagai bahasa pengantar antarabangsa dibahaskan.

ISU BAHASA INGGERIS

Bahasa Inggeris adalah sememangnya menjadi bahasa perantaraan antarabangsa. Ia masih perlu dipakai bagi perbincangan dan perhujahan di persidangan-persidangan antarabangsa. Ia juga akan terus dipakai dalam jurnal-jurnal dan makalah perubatan antarabangsa. Mereka yang mempunyai sikap negatif tentang bahasa akan mengatakan jika Bahasa Malaysia digunakan dalam bidang perubatan maka, perkhidmatan perubatan akan menurun. Ianya dikatakan menurun oleh sebab para cerdik-pandai perubatan tidak dapat mengikuti perkembangan semasa bidang perubatan jika mereka tidak dapat berbahasa Inggeris dan hanya menggunakan Bahasa Malaysia. Hujah ini tidak dapat diterima. Malahan persoalan dapat dikemukakan kepada mereka yang berfikir demikian - apakah yang terjadi di negara-negara seperti Perancis, Jerman dan Jepun? Jelas diketahui bahawa di negara-negara tersebut pemakaian bahasa sendiri adalah diutamakan di dalam semua bidang, namun demikian, taraf perkhidmatan pesakit dan pengajaran di universiti-universiti mereka masih mencapai taraf yang dibanggakan. Dan apabila seseorang cerdik-pandai dari negara-negara tersebut ingin mengemukakan pendapat mereka kepada masyarakat antarabangsa, maka, secara individu mereka akan berusaha untuk meningkatkan keupayaan diri dalam Bahasa Inggeris. Ini sememangnya dijadikan pedoman kepada mereka yang ingin memahami bidang-bidang tumpuan masing-masing secara lebih mendalam.

PENULISAN & PENERBITAN ANTARABANGSA

Dalam bidang pengejaran pula, buku-buku teks dan lain-lain rujukan adalah dalam Bahasa Inggeris. Dan mereka yang mempunyai sikap negatif akan mengatakan bahawa adalah sukar bagi orang-orang yang menggunakan sepenuhnya Bahasa Malaysia untuk mengikuti penulisan-penulisan tersebut. Tonjolan seperti inilah adalah tidak berasas kerana beberapa situasi telahpun timbul yang mematahkan anggapan mereka ini. Mereka yang tidak fasih dalam Bahasa Inggeris telah menunjukkan bahawa dengan memberikan tumpuan yang lebih sedikit terhadap Bahasa Inggeris, mereka akan dapat membaca ataupun menulis dalam bahasa itu. Sebagai contoh, terdapat sekumpulan pelajar-pelajar lepasan Matrikulasi Universiti Sains Malaysia yang sedang menuntut dalam bidang perubatan di Belgium telah menunjukkan bahawa mereka mampu untuk mencaapai taraf yang mereka kehendaki. Selain daripada itu, kumpulan pelajar Pusat Pengajian Sains Perubatan juga telahpun menunjukkan kemampuan mereka dalam kursus perubatan. (Kebanyakan dari Penuntut ini adalah dari aliran Bahasa Malaysia). Rumusan yang dapat diambil di sini adalah masalah bacaan tidak akan timbul sekiranya kita boleh menjamin kaliber penuntut-penuntut perubatan di samping menentukan pemilihan penuntut-penuntut ini juga berdasarkan kepada kemampuan dan keyakinan para calon dalam menghadapi apa-apa masalah. Maka, di sini jelaslah bahawa isu kemampuan bahasa tidak timbul malahan yang menjadi perkara pokok ialah supaya setiap individu memperbaiki serta memperluaskan kebolehan mereka dalam Bahasa Malaysia mereka. Kaliber penuntut ini adalah satu benteng yang paling kuat. Jika penuntut mempunyai kaliber yang baik tidak kira apa rintangan yang dihadapi, ianya tetap boleh diatasi.

LATIHAN LANJUTAN

Satu lagi hujah negatif yang dilemparkan oleh mereka yang mengetakan bahawa Bahasa Malaysia tidak mampu digunakan dalam bidang perubatan, ialah Bahasa Malaysia tidak dapat digunakan di tahap latihan lanjutan dan kepakaran. Persoalan ini juga dapat diperdebatkan - Bahasa Malaysia dapat menerima perubahan dan sememangnya adalah bahasa yang paling cepat maju di masa ini berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain. Oleh yang demikian, peningkatan taraf Bahasa Malaysia itu akan mencapai kemantapan di bidang kepakaran dan bidang lanjutan jika usaha yang bersungguh-sungguh dan kemahuan pihak individu untuk menggunakan dan memperkembangkannya dilakukan. Untuk mencapai kecemerlangan dalam apa bidang sekalipun termasuk bidang bahasa, kemahuan dan minat serta kesungguhan dalam pelaksanaan adalah menjadi teras yang penting.

Keperluan doktor di negara membangun seperti Malaysia (sungguhpun Bank Dunia telah menetapkan bahawa Malaysia adalah negeri maju) belum lagi tercapai. Dan di samping itu, mereka yang melakukan kursus lanjutan dalam bidang perubatan adalah kecil bilangannya. Adalah dianggarkan hanya 10% daripada keluaran para doktor tempatan yang akan ke luar negeri. Walau bagaimanapun, jika mereka ini akan ke luar negeri, adalah tanggungjawab mereka sendiri untuk menentukan bahawa mereka dapat mencapai taraf Bahasa Inggeris untuk tujuan mengikuti kursus di bidang masing-masing.

Dalam pada itu, universiti-universiti tempatan juga sedang mengusahakan kursus lanjutan sendiri dan adalah dijangkakan dalam masa lima tahun, keperluan Bahasa Inggeris dalam bidang-bidang

ini akan terus menurun. Ini adalah satu perkembangan yang sihat oleh sebab mereka yang lulus universiti tempatan akan dengan sendirinya lebih senang untuk berkhidmat dalam negeri bagi menampung keperluan doktor di negara. Seterusnya, mereka yang lulus daripada universiti tempatan yang menamatkan pendidikan dalam Bahasa Malaysia telahpun menunjukkan kebolehan mereka dalam bidang-bidang lanjutan di luar negeri. Jika diteliti dan dikaji dengan seluasnya, didapati bahawa calon-calon yang tidak berjaya tak kira sama ada pendidikan dalam bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia akan tetap gagal dan mereka yang mempunyai pendidikan dan kaliber yang baik akan tetap berjaya sama ada mereka dididik dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Maka, anggapan yang mengatakan Bahasa Malaysia akan menurunkan kemampuan mereka untuk mengikuti kursus lanjutan juga tidak berasas. Dalam lain perkataan, Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua harus dilanjutkan tanpa menjejaskan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Seterusnya, penggunaan Bahasa Inggeris dikhususkan bagi keperluan tertentu dan tidak sebagai penghalang penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga institusi-institusi perubatan di negara ini.

RUMUSAN & PENUTUP

Sebagai rumusan, penggunaan Bahasa Malaysia sememangnya wajib dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi. Persoalan sama ada ia mampu digunakan dalam apa bidang sekalipun tidak harus dipersoalkan. Cemohan yang dilemparkan terhadap bahasa yang paling fleksibel dan yang paling cepat berkembang ini tidak berasas. Bahasa Malaysia

boleh dan tetap harus dipergunakan sebagai bahasa pengantar dalam semua bidang dikira pada taraf mana sekàlipun. Dalam pada itu, Bahasa Inggeris akan tetap menjadi bahasa pengantar antarabangsa dan harus digunakan sebagai bahasa kedua apabila ianya diperlu bagi penglibatan dalam masalah antarabangsa. Ianya tidak boleh dilihat sebagai penghalang kepada kemajuan perkhidmatan perubatan. Yang menjadi persoalan sekarang ini ialah sama ada para pengguna bahasa dapat mengubah sikap negatif dan menanam semangat cinta kepada negara dan dengan itu, sebagai warganegara Malaysia harus dicurahkan segala ikhtiar dan sumbangan bagi menjayakan pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang perubatan. Sekiranya perubahan sikap ini dapat di^ajayakan, mas^alah pelaksanaan akan menjadi satu mas^alah yang kecil sahaja. Untuk renungan bersama, pepatah Inggeris & Cina yang berbunyi:- "One cannot escape the brilliance of perfection that come with constant application" dan "We must continue to strive harder and harder to achieve perfection" adalah berkaitan.

Akhir kata, kalau ada kemahuan, semuanya boleh jadi, kalau tidak ada kemahuan, banyak dalih boleh dicari.